

Najib Hargai UK Permudahkan Permohonan Visa Untuk Pelajar Malaysia
Bernama
16 Ogos, 2013

KUALA LUMPUR, 16 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak pada Jumaat melahirkan penghargaan kepada kerajaan United Kingdom kerana mempermudah permohonan visa bagi pelajar Malaysia untuk melanjutkan pelajaran mereka ke negara itu.

"Terima kasih saya ucapkan kepada kerajaan UK kerana mempermudah permohonan visa bagi pelajar Malaysia yang akan melanjutkan pelajaran di sana," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata berkata dalam akaun Twitter beliau bagi mengulas laporan berita mengenai langkah United Kingdom mempermudah permohonan visa pelajar.

Britain telah memberikan dua pengecualian signifikan dalam proses permohonan visa bagi pelajar Malaysia - mereka tidak lagi perlu menyediakan dokumen sebagai bukti bagi perbelanjaan kewangan dan kelayakan pendidikan.

Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Ray Kyles berkata syarat itu telah dimansuhkan berikutan pematuhan imigresen tahap tinggi daripada pelajar Malaysia.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=970311>